

Pertemuan kedua Abdullah-Hsien Loong

UM - 15/5/2007.

Oleh **MARHAINI KAMARUDDIN**
dan **MUHD. NIZAM HAMID**

LANGKAWI 14 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatnya dari Singapura, Lee Hsien Loong tiba di sini hari ini bagi mengadakan pertemuan tidak rasmi sempena lawatan kerja dua hari Perdana Menteri Singapura itu.

Walaupun tidak ada agenda khusus ditetapkan, kedua-duanya yang dijadual mengadakan pertemuan empat mata dalam slot sarapan pagi esok dijangka mengambil kesempatan membincangkan pelbagai isu yang menarik perhatian kedua-dua negara, sekali gus merintis jalan ke arah rundingan serius bagi menyelesaikan isu dua hala yang tertangguh sejak sekian lama.

"Kedua-dua pemimpin tidak terikat dengan agenda rasmi, oleh itu mereka dijangka bebas memperkatakan dan menyentuh semua subjek tanpa batasan.

"Terpulang kepada kedua-duanya untuk menentukan (topik perbincangan) dengan mengambil kesempatan daripada suasana mesra dan harmoni yang kini terjalin. Hubungan Perdana Menteri dan Perdana Menteri Singapura memang cukup baik," kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar ketika ditanya mengenai agenda pertemuan itu pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini, hari ini.

Ini merupakan kali kedua Abdullah dan Hsien Loong mengadakan pertemuan dua hala sejak pertemuan pertama khusus membincangkan isu-isu tertangguh kedua-dua negara di Putrajaya tahun lalu.

Perjumpaan tidak rasmi kali pertama antara dua pemimpin itu diadakan tahun lepas apabila Abdullah melakukan kunjungan singkat ke republik itu bagi menyer-

tai perlawanan golf persahabatan.

Malaysia dan Singapura mempunyai beberapa isu yang masih belum diselesaikan yang menjadi duri dalam daging dalam hubungan dua hala termasuk harga air mentah yang dijual ke republik itu, pembangunan tanah milik KTMB di Singapura, pengeluaran Wang Simpanan Pusat (CPF), penggunaan ruang udara Malaysia oleh tentera udara republik itu dan projek jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor yang berusia 80 tahun.

Dalam temu bual dengan akhbar Singapura, *The Straits Times* yang disiarkan hari ini, Abdullah dilaporkan menggesa supaya rundingan disambung semula untuk menyelesaikan isu-isu tertangguh antara Malaysia dan Singapura.

Walaupun tidak mahu menetapkan sebarang tempoh mengenai bila isu berkenaan patut diselesaikan, Perdana Menteri yakin ia boleh diadakan dalam suasana penuh persefahaman jika dibuat dengan ikhlas, apatah lagi hubungan dua hala Malaysia-Singapura sama ada dari segi ekonomi mahupun interaksi kini bertambah baik.

Menurut Syed Hamid, Singapura selaku rakan pelaburan terbesar Malaysia menunjukkan minat untuk terlibat dalam Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di Selatan Johor.

Pertemuan empat mata antara Abdullah dan Hsien Loong esok akan disusuli dengan mesyuarat delegasi kedua-dua negara melibatkan 28 anggota termasuk Syed Hamid; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina Othman.

Abdullah dan Hsien Loong bersama delegasi kedua-dua negara kemudiannya akan



ABDULLAH Ahmad Badawi menyambut Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong di Hotel Four Seasons di Langkawi, semalam untuk lawatan kerja dua hari.

- Gambar ISMAIL KAMADIN

menghadiri jamuan makan tengah hari di atas kapal persiapan Mega Star Cruise di terminal Star Cruise di Awana Porto Malai.

Perdana Menteri bersama Hsien Loong kemudiannya dijadual mengadakan si-

dang akhbar bersama di akhir pertemuan mereka petang esok.

Malam ini, Abdullah meraikan rakan sejawatnya pada majlis makan malam di Restoran Ikan-ikan di Hotel Four Seasons.